

AGENDA MEMPERKASAKAN EKONOMI BUMIPUTERA



Sepanjang hampir enam dekad negara ini merdeka, Malaysia melalui beberapa fasa pembangunan ekonomi yang menyediakan landasan yang kukuh untuk menuju negara maju menjelang tahun 2020. Daripada sebuah negara berasaskan pertanian, Malaysia melangkah menjadi negara perindustrian yang berjaya. Sepanjang tempoh ini juga agenda memperkasakan ekonomi Melayu dan bumiputera sentiasa menjadi keutamaan kerajaan.

TAN SRI DATU' HAJI MUHYIDDIN HAJI MOHD YASSIN
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

MENERUSI Dasar Ekonomi Baharu (DEB), kerajaan mengambil inisiatif secara serius untuk menstrukturkan semula masyarakat dan meletakkan asas paling kukuh untuk mewujudkan keseimbangan ekonomi antara kaum, kestabilan politik, dan perpaduan nasional. DEB memberikan harapan besar di hati rakyat bahawa peluang untuk menikmati hak dan kekayaan negara secara saksama dijamin dalam perancangan dan tindakan kerajaan. Walaupun DEB berakhir pada tahun 1990, agenda memperkasakan ekonomi bumiputera diteruskan melalui Dasar Pembangunan Nasional serta usaha meningkatkan keupayaan orang Melayu dan bumiputera untuk bersaing dalam ekonomi yang lebih terbuka.

Ternyata, kerajaan meletakkan asas yang kukuh untuk memajukan negara dan memperkasakan ekonomi

bumiputera. Rentetan itu, Model Ekonomi Baharu yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri merupakan kesinambungan daripada dasar yang terdahulu untuk memacu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Menerusi pelbagai inisiatif di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) kerajaan menyasarkan Keluaran Negara Kasar (KNK) akan meningkat kepada RM1.7 trilion dan pendapatan per kapita rakyat menjangkau RM47 520 setahun menjelang tahun 2020.

Dalam keghairahan kita untuk mencapai status negara maju, usaha memperkasakan ekonomi bumiputera tidak boleh terhenti. Apatah lagi, kita sedar bahawa masih banyak yang perlu dilakukan untuk meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu dan bumiputera. Dalam konteks ini, kerajaan menyambut baik inisiatif Majlis



mampu berbelanja RM34.00 sehari untuk makanan seisi keluarga. Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, isi rumah yang berpendapatan rendah akan menghadapi kesukaran untuk menyara hidup.



daripada gaji masyarakat bandar diterima oleh masyarakat luar bandar yang majoritinya bumiputera.

Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) menyediakan laporan yang komprehensif berkenaan dengan status ekonomi bumiputera dalam negara berpendapatan tinggi. Yang berikut ialah beberapa dapatan yang memerlukan perhatian yang segera dan serius daripada kerajaan:

- ✦ Jurang pendapatan isi padu rumah di Malaysia adalah antara yang tertinggi, iaitu kumpulan 20 peratus tertinggi bagi sesuatu kaum mempunyai pendapatan RM15 254 berbanding kumpulan terbawah dalam kaum yang sama berpendapatan RM1686, iaitu hampir 10 kali ganda lebih rendah. Perbezaan yang sedemikian ketaral yang menyebabkan Malaysia memiliki pekali KNK atau ketaksaksamaan yang tertinggi di rantau ini.
- ✦ Jurang pendapatan antara kaum Melayu dengan kaum yang lain juga meningkat 10 kali ganda, iaitu daripada RM2600 pada tahun 1970 kepada RM23 ribu pada tahun 2012.
- ✦ Data sara diri individu mengikut kelas pendapatan menunjukkan individu dalam kelompok 40 peratus terbawah hanya mampu berbelanja RM34.00 sehari untuk makanan seisi keluarga. Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, isi rumah yang berpendapatan rendah akan menghadapi kesukaran untuk menyara hidup.
- ✦ Malaysia juga menghadapi cabaran menangani masalah ketaksaksamaan dari pelbagai penjuru. Masyarakat luar bandar yang majoritinya bumiputera secara puratanya hanya menerima 60 peratus gaji masyarakat bandar. Selain itu, ketaksaksamaan antara pegawai rendah sebuah syarikat dengan gaji ketua pegawai eksekutif dan pengurusan kanan syarikat di Malaysia adalah antara 90 hingga 300 kali ganda, iaitu pada kes tertentu merekodkan sehingga 1600 hingga 3800 kali ganda.
- ✦ Dari sudut pekerjaan pula, walaupun jumlah pekerjaan baharu meningkat selepas pelaksanaan ETP, data MTEM menunjukkan 44 peratus peningkatan adalah daripada pekerja berkemahiran rendah yang sebahagian besarnya berkemungkinan pekerja asing.

Berdasarkan laporan MTEM ini, dapat disimpulkan bahawa cabaran besar yang dihadapi oleh negara ini pada masa hadapan adalah untuk menangani ketaksaksamaan yang wujud dalam pelbagai aspek, termasuk intraetnik, interetnik, perjawatan korporat, jurang antara bandar dengan luar bandar, dan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam menangani ketaksaksamaan pada masa ini jauh lebih rumit berbanding dengan penstrukturkan semula masyarakat pada tahun 1970-an. Hal ini dikatakan demikian kerana arus liberalisasi ekonomi dan pasaran terbuka sudah pasti menjadi antara halangan utama kerajaan untuk melaksanakan sebarang tindakan afirmatif untuk membantu golongan yang terpinggir.

Namun begitu, kita tidak boleh patah semangat. Agenda memperkasakan ekonomi Melayu dan bumiputera, serta membela masyarakat yang terpinggir tanpa mengira kaum mesti diteruskan. Oleh itu, beberapa fokus utama yang perlu dijadikan objektif pengurusan ekonomi negara untuk tahun-tahun yang mendatang, iaitu mengurangkan ketaksaksamaan pendapatan, ketaksaksamaan kekayaan, merapatkan jurang pekerjaan antara kaum dalam sektor swasta, membasmi kemiskinan, meningkatkan taraf dan kualiti pendidikan, serta mengawal kemasukan tenaga buruh murah asing.

Bagi memperkasakan ekonomi bumiputera, masyarakat bumiputera perlu merebut pelbagai peluang yang wujud dalam pelbagai sektor ekonomi di bawah 12 Bidang Ekonomi Utama Negara. Hal ini termasuklah 3.3 juta peluang pekerjaan baharu dalam pelbagai sektor berdaya maju yang menawarkan pendapatan lumayan, seperti minyak dan gas, perkhidmatan kewangan, kesihatan, serta teknologi maklumat dan komunikasi. Ahli perniagaan Melayu juga perlu mempunyai saham dalam RM1.4 trilion nilai pelaburan baharu yang akan dijalankan sehingga tahun 2020. Hal ini merupakan peluang baharu yang wujud hasil daripada janaan pelbagai aktiviti ekonomi negara pada tahun hadapan.

Oleh itu, negara memerlukan satu model ekonomi yang menekankan aspek pertumbuhan inklusif untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pelbagai sektor ekonomi hasil daripada KNK yang sedang berkembang. Sebarang usaha untuk memperkasakan ekonomi bumiputera perlu dilaksanakan dengan memanfaatkan peluang ekonomi baharu tanpa mengambil apa-apa yang menjadi hak bagi mana-mana kaum. Hal ini

membolehkan semua kaum mendapat nikmat daripada janaan kekayaan negara secara adil dan saksama tanpa meminggirkan sesiapa.

Dalam konteks ini, kita perlu mempunyai sikap dan perspektif yang betul mengenai usaha memperkasakan ekonomi bumiputera. Apabila kaum bumiputera sebagai golongan majoriti penduduk negara ini memperkatakan keadaan mereka yang agak terpinggir daripada arus perdana pembangunan ekonomi negara dan menuntut pelaksanaan dasar dan tindakan khusus untuk membela nasib mereka, hal ini tidak bermakna mereka bersifat perkauman. Sebaliknya, hal ini merupakan tuntutan untuk mendapatkan kesamarataan peluang dalam ekonomi yang lebih inklusif. Mereka tidak seharusnya dilabel sebagai golongan yang rasis semata-mata kerana menuntut hak bagi diri mereka.

Lebih-lebih lagi bumiputera merupakan kaum majoriti di negara ini. Banyak bukti yang ada di serata dunia yang menunjukkan golongan majoriti di sesebuah negara tersisih daripada arus perdana kemajuan ekonomi negara serta gagal menikmati kekayaan negara secara adil dan saksama, maka negara itu tidak akan menjadi negara yang aman dan stabil. Pergolakan, perbalahan, dan krisis akan berlaku dan ini bukanlah perkembangan yang sihat untuk sesebuah negara.

Bagi menjamin keamanan, kestabilan, dan kemakmuran yang berterusan untuk Malaysia, kerajaan meneruskan agenda memperkasakan ekonomi bumiputera dalam semangat pertumbuhan inklusif yang dilaksanakan secara adil dan saksama tanpa meminggirkan mana-mana kaum atau kumpulan sosial. Tumpuan akan diberikan kepada usaha membela nasib golongan 40 peratus terbahaw yang majoritinya bumiputera menerusi penyediaan pelbagai program jaringan keselamatan sosial, pembasmian kemiskinan, pengupayaan kapasiti dan peningkatan pendapatan.

Di samping itu, tumpuan khusus juga sedang diberikan terhadap usaha meningkatkan kualiti pendidikan yang akan mempersiapkan semua rakyat negara ini untuk bersaing dalam ekonomi yang lebih terbuka dan kompetitif. Usaha ini termasuklah memperkasakan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang merupakan katalis utama penyediaan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk memenuhi tuntutan ekonomi maju.

Dalam meneruskan agenda memperkasakan ekonomi bumiputera, tumpuan diberikan kepada enam teras utama, iaitu:

- Melaksanakan pengagihan ekonomi dan peluang secara adil dan saksama kepada semua rakyat.
- Mewujudkan kesaksamaan pendapatan antara kaum dan seterusnya kesaksamaan kekayaan.
- Mengurangkan jurang ekonomi antara masyarakat bandar dan luar bandar serta antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

- Menggalakkan penyertaan antara 50 hingga 60 peratus bumiputera dalam rantai bekalan pelbagai industri di Malaysia menerusi pembangunan kapasiti jangka panjang rantaian bekalan untuk pengusaha dan usahawan tulen.
- Menyediakan jaringan keselamatan sosial dan pindahan ekonomi yang adil kepada golongan miskin dan rentan di Malaysia dengan sumbangan yang signifikan daripada peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNNK) seperti negara maju yang lain.
- Melaksanakan transformasi menyeluruh pembangunan modal insan dan kemahiran golongan bumiputera untuk meningkatkan tarat sosioekonomi mereka.

Dalam memastikan kejayaan agenda bumiputera, aspek paling penting yang perlu diberi tumpuan, selain menyediakan pelbagai bentuk insentif dan bantuan, adalah dengan memantapkan tadbir urus kementerian, agensi atau institusi yang diamanahkan untuk melaksanakan dasar atau program pembangunan ekonomi bumiputera. Mereka yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan agenda penting ini hendaklah sentiasa mengamalkan sikap jujur, amanah, berintegriti dan telus dalam membuat sebarang tindakan dan keputusan. Jika aspek tadbir urus dan integriti ini dapat diperkuatkan, maka ketirisan dan kelemahan dalam pelaksanaan agenda ekonomi bumiputera dapat diatasi dan keyakinan rakyat kepada kerajaan dapat dipulihkan.

Sesi perundingan yang diadakan oleh MTEM bersama-sama usahawan, pertubuhan bukan kerajaan, pakar ekonomi, akademia, dan tokoh Melayu dalam pelbagai bidang mencungkil lebih banyak realiti dan permasalahan. Apa-apa yang boleh disetujui termasuklah pelaksanaan agenda bumiputera diteruskan dan memerlukan kesungguhan pemimpin yang amanah serta usaha, kegigihan dan kejujuran semua pihak dalam memastikan kejayaan agenda penting ini.

Akhir sekali, izinkan saya membaca beberapa bait sajak "Melayu" nukilan Sasterawan Negara Usman Awang:

Bagaimanakah Melayu abad kedua puluh satu?
masihkah tunduk tersipu-sipu?
jangan takut melanggar pantang
jika pantang menghalang kemajuan
jangan segan menentang larangan
jika yakin kepada kebenaran
jangan malu mengucapkan keyakinan
jika percaya kepada keadilan
jadilah bangsa yang bijaksana
memegang tali memegang timba
memiliki ekonomi mencipta budaya.

Disesuaikan daripada teks ucapan TPM ketika majlis penutupan Sidang Kemuncak Ekonomi Melayu 2015 anjuran MTEM, pada 17 Jun 2015, di Kuala Lumpur Golf and Country Club (KLGCC).

10 Resolusi Meningkatkan Status Ekonomi Bumiputera

1. Dasar Kerajaan

Keperluan untuk merombak dan memperkasakan agensi khusus yang melihat, memantau, dan mengurus hal ehwal bumiputera secara menyeluruh di samping menaungi unit memperkasakan agenda bumiputera di setiap kementerian serta pertubuhan bukan kerajaan Melayu/ bumiputera. Sekiranya Teraju yang dipertanggungjawabkan, agensi itu perlu dinilai semula berikutan kurang memberi impak yang diingini oleh masyarakat bumiputera.

4. Nilai Tambah PERNIAHAN

Penggaran usaha menguasai rantaian nilai dan bekalan bumiputera, termasuk menambahkan bilangan pemborong dan peruncit serta mengadakan Unit Pemantauan Rantaian Bekalan Bumiputera. Pembentukan komuniti niaga, konsep bandar satelit di luar bandar yang mempunyai lebih banyak penduduk bumiputera, sekali gus meningkatkan taraf ekonomi setempat termasuk Sabah dan Sarawak.

7. Keselamatan Sosial dan Kebajikan

Penambah baik pengagihan peruntukan kepada penerima yang benar-benar memerlukan termasuk rasionalisasi subsidi yang lebih berkesan mengikut kumpulan sasaran. Perancangan dan pelaksanaan rumah mampu milik mengikut kumpulan sasaran dan memastikan harga rumah mampu milik ini jauh lebih rendah daripada harga pasaran. Pengawasan kegiatan memanipulasi harga rumah oleh pemaju tidak bertanggungjawab.

2. Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera

Peranan syarikat berkaitan dengan kerajaan yang lebih menyeluruh dan dapat menyumbang secara langsung kepada kemajuan ekonomi bumiputera, keperluan mengaudit semua syarikat bumiputera untuk memastikan tiada syarikat ali baba. Institusi swasta perlu diberi insentif yang lebih baik bagi menggantikan kos dan keuntungan yang dilabur. Komuniti usahawan diwujudkan di setiap kluster, khusus untuk usahawan muda.

5. Gaji dan Pekerjaan

Penetapan gaji minimum yang lebih sesuai menjelang tahun 2020 sekali gus mencapai nisbah ubah yang lebih setara antara kaum. Jurang gaji ketua pegawai eksekutif dan pekerja dirapatkan di samping memastikan tiada diskriminasi pengambilan pekerja bumiputera oleh syarikat swasta, serta mengurangkan pengambilan pekerja asing.

8. Undang-undang Cadangan peruntukan undang-undang

subotaj ekonomi untuk memastikan hak sebagai bumiputera tidak disalahgunakan, tiada diskriminasi, monopoli dan nepotisme dalam sektor pekerjaan dan perniagaan. Pindaan peruntukan undang-undang sedia ada agar polisi afirmatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan termasuk mengurangkan ketirisan dan amalan rasuah.

9. Pendidikan dan Latihan

Rombakan secara total program latihan kemahiran untuk pelatih bumiputera supaya sesuai dengan minat, kelayakan dan kehendak pasaran, khususnya kepada pelatih miskin dan luar bandar. Kajian dan penambah baik sistem pentauliahian (contohnya Sijil Kemahiran Malaysia) supaya graduan mendapat pengiktirafan sewajarnya. Menambah bilangan profesional dan pakar dalam kalangan bumiputera mengikut bidang yang diceburi.

3. Pembangunan Institusi

Penyediaan kad laporan ekonomi bumiputera bagi melihat kembali keberkesanan institusi menajayakan agenda termasuk mengenal pasti sektor ekonomi baharu yang boleh dikuasai orang Melayu. Pemaksimalan institusi koperasi dan wakaf dalam menajankan sumber kewangan dan merencanakan ekonomi. Penambahan bilangan organisasi yang boleh membantu ekonomi Melayu seperti Majlis Amanah Rakyat, Permodalan Nasional Berhad dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, terutama bagi menambah modal perniagaan.

6. Kekayaan

PNK bumiputera disasarkan kepada RM900 bilion dengan menyediakan dana khusus bagi membina komuniti ekonomi mereka sendiri. Pengembangan usaha untuk mencapai sasaran nisbah pendapatan isi rumah yang lebih setara.

10. Pangkalan Data Sosioekonomi Bumiputera

Pengembangan usaha membina pangkalan data sosioekonomi bumiputera supaya usaha memajukan golongan ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan sesuai kepada kumpulan sasaran dan dapat membantu kerajaan merangka program yang lebih tersusun. Bekerjasama dengan agensi dan institusi berkaitan bagi mendapatkan data yang relevan.